

PSB - Bahagian Arkib

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Monday, 8 April, 2019 10:46 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: e-Aduan@Jerlun Sumbangan Mahasiswa Kepada Masyarakat



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

08 APRIL 2019 / 02 SYAABAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: INASIS Sime Darby

e-ADUAN@JERLUN SUMBANGAN MAHASISWA KEPADA MASYARAKAT



UUM ONLINE: Menjalankan tanggungjawab kepada masyarakat, peserta Bakti Siswa Jelajah Inapan Siswa (INASIS) Sime Darby@Jerlun telah membangunkan aplikasi mudah alih e-Aduan@Jerlun bagi manfaat komuniti di kawasan tersebut.

Pengetua INASIS Sime Darby, Dr. Rohani Abdullah berkata, masyarakat perlu seiring dengan Revolusi Industri Keempat (IR4.0), justeru adalah menjadi tanggungjawab mahasiswa untuk menyumbang kembali kepada masyarakat dengan ilmu dan kemahiran yang dipelajari di universiti.

"Berpegang teguh pada moto UUM iaitu Ilmu, Budi, Bakti, mahasiswa UUM berjaya membangunkan e-Aduan@Jerlun, seterusnya dilancarkan pada program Bakti Siswa dijalankan.

"Saya berharap aplikasi e-Aduan@Jerlun akan dapat membantu memudahkan rakyat Jerlun untuk mendapat maklumat dan membuat aduan terus kepada pihak berkuasa," katanya pada Majlis Pelancaran e-Aduan@Jerlun di Kampung Bukit Hantu, Kodiang, baru-baru ini.

Aplikasi tersebut telah dilancarkan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah, Dr. Salmee Said merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Siputeh pada hari terakhir Bakti Siswa Jelajah Inasis Sime Darby@Jerlun yang berlangsung selama tiga hari mulai 4 April lalu.

Program Bakti Siswa yang disertai 33 mahasiswa UUM itu mendapat kerjasama Pejabat Menteri Besar Kedah, Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Jerlun, Pusat Peduli Rakyat Kota Siputeh dan MPKK Kampung Bukit Hantu.

Dr. Rohani berkata, sepanjang program, peserta telah ditempatkan bersama keluarga angkat masing-masing melibatkan 12 keluarga angkat dari kawasan sekitar Jerlun.

Menurutnya, pelbagai aktiviti dijalankan antaranya pemberian sumbangan barangan keperluan asas kepada 20 keluarga asnaf, solat hajat perdana dan diskusi ilmiah bertajuk 'Anak Muda Sekitar Nabi Muhammad S.A.W'.

Menteri Besar, Dato' Seri Mukhriz Tun Mahathir turut hadir merasmikan Program Bakti Siswa Jelajah INASIS Sime Darby@Jerlun itu, disamping meluangkan masa menyertai solat hajat perdana dan diskusi ilmiah.

Antara pengisian lain ialah aktiviti merewang bersama keluarga angkat, sukan rakyat bersama anak-anak muda, pemeriksaan kesihatan percuma oleh Pusat Kesihatan Kubang Pasu, malam kebudayaan bersama warga kampung, aktiviti menyusuri Gua Bukit Hantu dan aktiviti bersama pelajar Sekolah Kebangsaan Megat Dewa.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.